

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8291

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) berapa lamakah tempoh masa yang dianggap selamat untuk kegunaan bangunan, infrastruktur dan pendawaian sesebuah Ibu Pejabat Polis Daerah memandangkan IPD di Segamat sudah menjangkau usia hampir 80 tahun.; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disediakan kepada IPD, balai dan pondok polis di setiap daerah terutama dalam Daerah Segamat

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

IPD Segamat telah mula dibina pada tahun 1977 dan berusia 38 tahun. Permohonan naik taraf IPD ini telah dibuat dan disenaraikan dalam Projek Rancangan Malaysia Ke-11 Kontinjen Johor, namun keutamaan projek ini tidak mendesak dan akan dicadangkan dalam *Rolling Plan* ke 2 RMKe11.

Bagi amalan standard pihak Jabatan Kerja Raya, tempoh kebolegunaan bangunan dan kemudahan yang disediakan adalah dalam purata 25-30 tahun, bergantung kepada kekerapan penyelenggaraan berkala yang dilaksanakan. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan pada fungsi bangunan dan kemudahan, kepakaran Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya) akan dipohon bagi menilai ketahanan struktur bangunan dan kemudahan lain.

Selain itu, tiada jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan bagi IPD, balai dan pondok polis bagi setiap Daerah. Agihan peruntukan ditentukan melalui keperluan dan tertakluk kepada peruntukan mencukupi.

Terdapat 23 lokasi terdapat bangunan polis di Daerah Segamat merangkumi satu (1) bangunan IPD, Lapan (8) balai polis, satu (1) balai polis komuniti, sebelas (11) pondok polis dan dua (2) pondok polis komuniti. Jumlah pembaikan atau

penyelenggaraan bangunan IPD, balai, pondok dan kuarters bagi Daerah Segamat untuk 3 tahun kebelakangan adalah seperti berikut:-

- a. Tahun 2012 – RM814,295.00**
- b. Tahun 2013 – RM1,227,398.60**
- c. Tahun 2014 – RM171,097.40**